

DATE: 17/12/2007

Peluang pendidikan sama rata

Oleh SAHBULAH DARWI

KEPALA BATAS 16 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan kerajaan sentiasa memberi perhatian sama rata kepada semua kaum dalam bidang pendidikan untuk membolehkan mereka memberi sumbangan yang berguna kepada negara.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pelajaran amat penting dalam memastikan semua kaum hidup lebih selesa dan dapat merebut peluang yang terbuka luas untuk mencari pekerjaan manakala golongan miskin pula mampu keluar daripada belenggu kemiskinan.

"Kita beri perhatian yang sama kepada pelajar tanpa mengira kaum kerana pelajaran penting untuk Malaysia, penting untuk anak-anak Malaysia, bangsa Malaysia dan kita harap mereka menjadi pelajar yang berjaya," katanya.

Beliau berucap merasmikan majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2007 Sekolah-Sekolah Kawasan Parlimen Kepala Batas anjuran Pergerakan Pemuda dan Putera UMNO Kepala Batas di sini hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah.

Pada majlis tersebut, Putera UMNO menyumbangkan 1,000 buah basikal kepada 400 murid yang mendapat keputusan cemerlang 5A dan 600 murid daripada golongan kurang berkemampuan yang terdiri daripada berbilang kaum.

Murid-murid tersebut juga di-

berikan wang tunai di antara RM50 dan RM100, beg dan barangan keperluan sekolah bagi menghargai kejayaan mereka dalam peperiksaan itu.

Abdullah berkata, peluang menuntut ilmu yang terbuka luas untuk setiap lapisan masyarakat adalah penting kerana pelajaran dapat memastikan taraf hidup rakyat ditingkatkan sekaligus membasmi kemiskinan.

"Modal insan perlu dipastikan bermutu tinggi, itulah caranya untuk memastikan anak-anak mendapat kelulusan yang baik dan pekerjaan yang elok," jelasnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu ibu bapa sentiasa menasihatkan anak-anak supaya belajar bersungguh-sungguh untuk meraih pencapaian cemerlang dalam setiap peperiksaan daripada peringkat sekolah rendah, menengah sehingga ke universiti.

Menurutnya, selain bidang pelajaran, kerajaan juga sentiasa mengambil berat terhadap usaha membantu golongan miskin menerusi pelbagai bentuk bantuan tanpa mengira latar belakang.

Dalam hal ini, Abdullah bangga dengan pencapaian pelajar luar bandar yang semakin meningkat dan setanding dengan rakan mereka di bandar berikutan kemudahan pembelajaran dan komitmen guru.

Bagaimanapun, beliau menegur sekolah-sekolah yang masih gagal memastikan kesemua calon UPSR lulus dalam semua mata pelajaran sehinggakan masih ada pelajar yang gagal dalam peperiksaan itu.

Justeru, katanya, guru-guru perlu memberikan perhatian se-



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Pemuda dan Wanita Barisan Nasional (BN) melaungkan 'Hidup BN' pada majlis pelancaran Pasukan Gerak Gempur BN Kepala Batas di Wisma UMNO, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam.

rius terhadap masalah itu supaya pelajar yang menduduki peperiksaan UPSR tahun depan lulus dalam semua mata pelajaran.

"Satu perkara yang saya lihat tidak seronok sikit ialah masih ada pelajar yang tidak lulus dalam semua mata pelajaran dan ini

menunjukkan masih terdapat lagi pelajar yang tidak mencapai kejayaan yang tinggi," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan supaya sekolah yang mendapat kelulusan 100 peratus diberi insentif sebagai galakan untuk kejayaan yang berte-

rusan dan dijadikan contoh kepada sekolah lain.

Katanya, sebagai contoh, di kawasan Parlimen Kepala Batas, terdapat 1,884 calon UPSR tahun 2007 namun hanya 1,492 calon yang lulus semua mata pelajaran.